Apr 6, 2018

Kisah di Bukit Tunku

Penulis **Ezrin Marsh**



Aku masih dalam fasa muda remaja ketika melalui pengalaman ini walaupun tak pernah seumur hidup aku terlibat atau mendaftarkan diri dalam pertubuhan Belia 4B.

Peristiwa ini berlaku dalam sekitar awal tahun 90'an. Berambut panjang tak berapa ikal mayang melepasi bahu, agak cengkung, sedikit berjanggut, berkaca mata bingkai bulat ala-ala *John Lennon* dengan potongan tubuh persis seperti sekeping papan *plywood* — sebab aku selalu tak berduit untuk makan makanan mengandungi zat-zat penting lagi wajib diperlukan oleh badan — duit banyak habis untuk tampung pembelajaranku di universiti — kena pula kursus seni bina — memang banyak pakai duit dan tak dapat apa-apa biasiswa mahupun pinjaman, sebab bapak aku salah seorang pengarah di sebuah bank ternama di Kuala Lumpur.



Ketika itu aku ada konflik dengan bapakku, jadi dia tak mahu taja pembelajaranku dan aku pula memiliki ego tinggi tak nak mengalah, malah nak buktikan aku boleh meneruskan kelangsungan hidup tanpa bantuannya — kesudahnnya meranalah aku kerja di kedai dobi, kerja di stesen minyak, dan akhirnya aku bekerja sebagai kuli batak di gerai jus buah.

Siang belajar malam tertunggang-tunggit bekerja. Setahun, dua tiga kali saja aku balik ke Bangsar jenguk mak dan adik-adikku — aku tabahkan jiwa sebab nak buktikan kepada bapakku bahawa aku boleh cemerlang tanpa pertolongannya — akibatnya kurus keringlah tubuhku tertunggang-tunggit untuk mendapatkan upah yang tidak seberapa — apa yang pasti, hidup mesti di teruskan, walaupun 😈 Iblis sentiasa memudahkan bermacam-macam modus-operandi kezaliman di dunia.

Rin : Eh... melalut pula mukadimah aku. Maaf zahir batin larr ya.

Masuk tahun kedua aku di universiti, aku diajak tinggal luar kampus oleh tiga orang senior — Ah Chai, Man Bai, dan Jeff — menyewa satu *apartment* dua bilik — satu bilik ngam-ngam dua orang — memang cun. Walaupun aku selalu tak cukup makan malah aku pun bukan jenis yang makan banyak, tapi duit bayar sewa bulan-bulan tetap ada, sebab aku adalah kuli batak jus buah yang cemerlang dan kekadang ambil upah buat *drawing* atau *sketch* untuk member-member kelas. Pensyarah-pensyarah pun selalu cakap: *Rin, awak ni berbakat dalam seni lukis* — dia orang cakap larr bukan aku nak membongak.

Rin : Bongak ini *Bahasa Minang*, maksudnya meninggi diri atau sombong. Aku dah siasat kewujudan perkataan bongak ini — memang wujud perkataan ini dalam kamus Dewan Bahasa & Pustaka.

Dalam dua kali seminggu — Jumaat malam dan malam minggu — aku bersama kumpulan kugiran bergenre *rock* — sering dapat membuat persembahan pembuka tirai di sebuah kelab di Petaling Jaya. Kugiran ini akhirnya dikenali sebagai *Ella & The Boys*.

Rin : Pembaca entri ini kenal ker kemasyhuran kugiran ini?



Akhirnya kugiran ini dapat menghasilkan album bertajuk: *Ella & Bebudak-budak*. *Drummer* kugiran ini — ketika itu selalu cuba mengurat Ella tapi tak kesampaian, sebab *guitarist* kugiran ini menjadi abang angkat Ella. Justeru *guitarist* yang menjadi abang angkat Ella ini menjadi pelalau — menghalang jantan-jantan mendekati Ella.

Rin : Melalut lagi aku ya. 😆 Kah kah kah!!

😃 *Okay* selesai bab *Ella & Bebudak-budak*. Sekarang aku buka pula bab terpenting iaitu: *Kisah seram di Bukit Tunku*.


Sudah aku nyatakan di perenggan ke-5 — aku hidup sebumbung dengan tiga orang senior di *apartment* dua bilik — dia orang dah tahun akhir dah — tak tahulah sebab apa dia orang pilih aku hidup sebumbung dengan mereka — mungkin sebab aku boleh larr sikit-sikit menggentel tali gitar sambil mendendangkan lagu-lagu

rock seperti lagu-lagu dari *Pink Floyd, Whitesnakes, Led Zeppelin, The Queen,* dan sebagainya — *jazz* pun aku minat 😃 Oh... dia orang pun memang bagus bermain gitar malah luas pengetahuan dalam falsafah muzik — aku tahu dia orang memang suka kepada bakat aku, bahkan dia orang pernah jujur mengatakan: *Rugi rakyat Malaysia tak melihat bakat kau, Rin*.

Rin : Aku sedar kata-kata jujur daripada senior ini bukan kata-kata bodek seperti kenalan rapat *Perdana Menteri* — membodek *Pemimpin №1 Negara* ini nak jadi *Ahli Parlimen* demi berkenduri-kendara merompak 💰 harta negara.

Rin : Aku hanya dapat memberikan 😊 senyuman sebagai tanda terima kasih setelah mendengar kata-kata jujur daripada mereka. Masyghul sungguh di jiwaku kerana tidak dapat menguntungkan rakyat Malaysia kerana rugi tidak dapat melihat bakat semula jadiku.

Di antara tiga orang senior ini, Ah Chai adalah sorang anak *orang berada* lebih tepat lagi hidup mewah dan keluarganya tinggal di Damansara. Ah Chai ada sepupu bernama Apit — bermastautin di *Bukit Tunku*.



Kemewahan Ah Chai mudah untuk dilihat pada seketul rangka besi beroda empat — Alfa Romeo — berwarna putih dan terlihatlah kereta mewahnya ketika Ah Chai datang menghadiri kuliah. Senior yang hidup sebumbung denganku di *apartment* memberikan nama manja kepada seorang *anak Melayu orang berada* ini sebagai Ah Chai kerana mukanya macam Cina dan kulitnya putih melepak macam *Andy Lau*.

Jika Ah Chai memiliki Alfa Romeo, aku pula hanya ada kapcai cabuk jer ketika itu. Kapcai ini aku beli daripada senior yang sudah khatam belajar di universiti.

Aku beli kapcai ini macam gitu ajer tanpa tukar geran nama — hulur duit, ambil motor — selesai — macam beli beras sekampit.

Daif sungguh motor kapcai cabuk yang aku beli ini, tapi mampu jugalah naik bukit untuk menghadirikan diriku ke kelas/kuliah dari *apartment* — walaupun terkadang kena kayuh menggunakan kaki pabila motor ini mendaki bukit, sebab motor ini ada gejala semput — pabila gejalanya datang, memang banjir larr celah kangkang aku nak kena dayung Si Cabuk ini menggunakan kaki ketika naik ke bukit. Kerap kali Si Cabuk ini kena saman di kawasan parkir oleh *Pak Guard* di kampus — terkadang lampu depannya buat perangai — segan nak menyala dan palet belakang patah dua, tinggal sebelah sahaja — sebab itu haram, takde seekor pun *girlfriend* nak tangkap leleh denganku masa belajar di universiti dulu.

Rin : Perempuan mana larr nak pandang aku dengan Si Cabuk 😳 ye tak?

Rin : Dahlah aku ni selalu pokai — memang sepadanlah pasangan aku adalah Si Cabuk 😳 setuju tak?

Ah Chai walaupun anak *orang berada* — dia tak bongak/sombong, malah Ah Chai suka ajak aku dan senior se*apartment* pergi melesir di rumah sepupunya pabila ada masa lapang, dan rumah sepupu Si Ah Chai ini kedudukannya di *Bukit Tunku*.

Aku pun suka melesir di rumah Apit di *Bukit Tunku*, sebab tenang dan damai. Cuma pabila memalam saja aku rasa kurang selesa sikit di situ — lazimnya memang memalam larr aku bersama senior datang bertandang ke situ.

Bagi pembaca yang pernah ke situ akan maklumlah jalan naik ke *Bukit Tunku* — suasananya macam dah masuk hutan belantara rasanya — dah bukan dalam suasana KL — Ibu Kota Cinta tempat lahir tipu daya — DEF GAB C.



Pabila pembaca memandu kereta di jalan naik ke atas *Bukit Tunku* yang sempit — muat-muat dua kereta saja, tentu pembaca akan terserempak — melihat monyet-monyet bermain dan bercanda-canda di tepi jalan 😳 Fuhhh!! Natural sungguh alam flora dan faunanya, tapi tak tahu larr sekarang tahun 2018 macam mana suasananya, sebab aku dah lama tak naik ke situ? Cuma pabila memalam jadi lain pula suasananya ketika aku bersama senior melesir di rumah Apit ketika itu — maksudnya ketika aku melepak di rumah Apit, kalendar ketika itu belum lagi sampai ke tahun 2018 — pembaca yang pernah melintas atau singgah untuk kencing berdiri di tepi semak di *Bukit Tunku* sekitar tahun 1990 hingga ke tahun Anwar diterajang oleh Mahathir daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998 akan fahamlah apa yang maksud aku ini.



Rumah sepupu Ah Chai yang kita orang panggil nama manjanya Apit ini pula terletak nun jauh hampir ke penghujung atas *Bukit Tunku*. Apit ini tinggal berdua jer dengan abangnya — ahli keluarganya yang lain dah berpindah atau bermastautin di England.

Besau betul banglo dua tingkat rumah Apit dan abangnya ini — fesyen lama 🏡 banglo zaman kolonial British menjajah *Tanah Melayu*. Rumah-rumah banglo lama zaman kolonial di *Bukit Tunku* dulunya tempat

tinggal *Pegawai-Pegawai Kerajaan* berpangkat besau di zaman Allahyarham *Tunku Abdul Rahman* dan *Tun Abdul Razak*. Sekarang banglo di *Bukit Tunku* banyak dah kosong bahkan terbiar pabila penghuninya sudah bersara atau berpindah, tapi Apit dan abangnya masih menetap di situ ketika itu — tak ikut mak ayahnya pindah ke England.

Belakang rumah Apit ini memang hutan, lebih tepat lagi hutan dara — tak pernah diraba-raba di bahagian rimbunannya bahkan bahagian sulitnya tidak pernah dientot oleh Cukong Kapitalis penggemar daging 🐷 babi.

Hutan dara berbukit di *Bukti Tunku* ini memang lebat lagi subur kesuntiannya — siang hari pun nampak gelap, damai, dan sunyi — cuma pabila malam menjelang saja ia nampak seram dan gelap-gelemat kalau Si Apit tak menyalakan lampu kalimantang di belakang rumah banglonya.

Rumah banglo Apit dan abangnya ini memang besau, tetapi entah kenapa Si Apit ini memilih garaj sebagai bilik tidurnya — garaj ini pula betul-betul terletak di belakang rumah berhampiran sangat kedudukannya mendekati hutan dara yang subur lebat rimbunannya serta *Kacip Fatimah* kesuntiannya.

Besau betul garaj — bilik tidur Si Apit ini. Aku sendiri pertama kali datang bertandang ke bilik Apit ini terkebil-kebil melihat bilik tidurnya dah memang hiasan

dekorasinya sebiji seperti muzium barang-barang klasik — banyak nau harta pusaka Si Apit ini dalam garaj *as known as* bilik tidurnya.

Motor klasik tahun 1940'an pun ada di parkir dalam bilik tidurnya. Helmet tentera Jerman-Prussia masa Perang Dunia Pertama pun Apit ada simpan — entah mana Si Apit ini dapat, aku pun tak tahu — nak kata Si Apit ini anak didikan *Dukun Bibi Lona* yang boleh menyeru jelmaan *Adolf Hitler* — tentulah mustahil.

Bukan sahaja topi keselamatan tentera *Adolf Hitler* — senapang pun Apit ada — Apit kata...



Apit : Bapak aku dulu ada lesen senjata api — kalau bapak aku tak sengaja tertembak *Ketua Samseng Kongsi Gelap* di Malaysia — *Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan* tentu melompat-lompat gembira kerana *Ketua Samseng Kongsi Gelap* lebih bahaya berbanding *Adolf Hitler*.

Aku tahu kata-kata Apit ini hanyalah berseloroh. Apa yang pasti, bapak Apit ini dulu *orang kerajaan* pangkat besau — mudahlah mendapat lesen senjata mengandungi syarat: *Tak mengapa jika orang kerajaan pangkat besar tak sengaja tertembak Ketua Samseng Kongsi Gelap*.

Di dalam garaj inilah aku bersama tiga orang senior dan Apit selalu habiskan masa pabila ada masa lapang — lepak dari siang sampailah ke siang esoknya — terlentok tidur hanya pabila dah masuk waktu Subuh — bercempera tidur merata dalam garaj, ambil sudut masing-masing dengan menghamparkan tilam di atas lantai — memang hawau bahkan *stone and harmony* hidup kita orang ketika itu. 😄 Yelarr... masing-masing takde *girlfriend time* tu — tak macam ramai jantan-jantan kabaret yang aku lihat di kampus — ramai berkepit jer siang malam pagi petang dari Maghrib hingga munculnya embun jantan jam 4:04 pagi — asyik membelangkas sahaja.

Terkadang tangkap jiwang juga aku nengokkan *couple-couple* ini bermadu asmara, tapi tangkap jiwang yang terkadang melintas dalam fikiranku ini biasanya aku anggap sekadar drama cinta geli-geli setanding lakonan lucah Maria Ozawa yang berlambak dalam internet 😒 aku tak ambil *pot* sangat.

Disebabkan aku bukan jantan kabaret di kampus — aktiviti santai aku ketika itu ialah mendengungkan kepala — markaz pula memang *line-clear* habis — di dalam garaj di rumah banglo Apit — siapa nak lalu kat situ tetengah malam kalau bukan hanya unggas dan cengkerik sahaja 😃 ye tak?

Pabila kepala dah sedap berdengung, kita orang main gitar dengan diiringi melodi keyboard yang ada di dalam garaj.

Sampailah pada satu malam, pabila kita orang tengah berdekah-dekah ketawa ketika aktiviti santai menyedapkan kepala — menyedut dan menghembuskan asap berdengung — tanpa disangka-sangka sesuatu yang menyeramkan terjadi...

Sedang aku tengah menyandarkan badan di satu kabinet lama sambil memetik gitar ketika kepala tengah sedap — lepas menyedut beberapa pam — aku duk perhati Si Apit ini sedang khusyuk membancuh *herba* untuk *round* yang entah kali ke beberapa — aku pun dah tak dapat nak kira — aku tengok Si Apit ini tengah berdekah-dekah ketawa sambil bancuh *herba*, sebab Si Ah Chai ini buat kelakar...

Chai : Antara politikus yang seronok keluarkan kenyataan bodoh dan *herba* yang berada di depan kita ini — mana yang lebih bernilai? Hikikiki.

Apit : Kenyataan bodoh dari politikus larr lebih bernilai! Hikikikiki.

Chai : Apasal pula?

Apit : Disebabkan kenyataan bodoh, banyaklah agenda-agenda bodoh dari politikus — membodohkan orang-orang kampung. Kikikikiki.

Chai : Kikiki!! Sebenarnya kenyataan bodoh dari politikus tak boleh dijual hingga ke Amerika — *herba* ini kalau kau bungkus cincai-cincai dalam

surat kabar **Berita Harian** – *John Frusciante* pun sanggup beli.



Apit : Hahahahahahahaha!!

Sebenarnya aku tak dapat nak tangkap Si Ah Chai ini buat kelakar di depan Apit – hanya kedengaran terbarainya gelak tawa mereka sahaja – aku pula tengah sedap layan kepala sesorang sambil betulkan *tune* gitar – memanglah tak bernafsu nak pasang telinga mendengar lawak mereka. Senior aku yang lagi dua orang – aku tengok dah dalam dunia sendiri, tak ambil *pot* pada suasana *harmony* di dalam garaj. Tetiba Man Bai, salah seorang senior – menegur aku...

Man : Woi Rin! Cepatlah dendangkan lagu *Bob Marley – Redemption Song* – aku main *bass*.

Rin : *Okay* cun, aku *tune* gitar ni jap. *String A* ni sumbang bunyinya.

Aku memintal sedikit demi sedikit telinga gitar untuk menghilangkan bunyi sumbang pada *string A*.

Man : Cepat larr... kau ni dari tadi aku tengok tak habis-habis lagi *tune* – baik kau *tune* puting tetek kau tu jer larr.

Man Bai provok aku sambil gelak-gelakkan aku yang sedang terkial-kial *tune* gitar.

Rin : Sabar larr setan! Ni Si Apit larr ni main sampai sumbang *tune* gitar.

Aku menuduh rambang pada Apit yang masih tergelak-gelak di depan Ah Chai.

Apit : 😳 Woi! Apa hal aku pula?

Suara Apit menjerkah kerana tetiba terdengar nama dia disebut.

Apit : Kau tu tak profesional *tune* gitar — terkial-kial — nak salah kan aku pula. Betul Man cakap tu — baik kau *tune* jer puting tetek kau tu — dah masak ranum merah-merah *pink* jer aku tengok puting kau tu.

Apit tambah lagi sesenduk dua hingga menggedik-gedik bahunya 😆 tergelak-gelak — tup tup tup terdengar gelak tawa secara berjemaah 🤣 berdekah-dekah 😆 menggelakkan aku — apa *kepepek* larr dia orang ni ketawakan aku reramai!

Rin : 😓 Ye larr! Ye larr! Jap arr... sikit lagi ni haa.

Aku pertahankan diri dari dibahan lagi oleh setan-setan yang tergedik-gedik mentertawakan aku di dalam garaj klasik ini.

Sedang aku *ting-tuing ting-tuing* tali gitar, tetiba terdengar suara halus dan nyaring datang dari arah belakang di luar garaj. Memula perlahan suara nyaring

halus itu jauh kedengaran — lama-kelamaan kedengaran semakin dekat pula — semua yang berada di dalam garaj serta-merta terdiam berhenti tertawakan aku — cuma Si Apit ini jer aku tengok *relax* saja macam takde pappe — selamba jer reaksinya membancuh *herba*.

Suara nyaring halus seperti memanggil-manggil itu berubah seperti sedang tertawa pula atau menangis — sebenarnya aku memang tak tahu nak huraikan macam mana dalam entri ini — nak kata tertawa dengar macam menangis, nak kata menangis dengar macam tertawa, tapi memang kedengaran suara di luar itu dah betul-betul sampai di tepi pintu garaj, bunyinya — aku terkedu — aku lihat Man Bai tercegat duduk macam patung Buddha sedang bertapa — Ah Chai pula terkebil-kebil matanya — Si Jeff pula, sorang lagi senior tetap terbaring di atas hamparan tilam, tapi matanya membuntang tak terkebil-kebil.

Rin : Bunyi apa tu Pit?

Mulut aku cabul bertanya sambil mata aku memandang tajam ke pintu garaj.

Apit : Takde pappe larr.

Spontan sahaja Apit jawab pertanyaanku sambil tekun membancuh *herba*.

Chai : Gila kau takde pappe! Itu bunyi mengilai tu — kau boleh tersengih-sengih cakap takde pappe.

Ah Chai menyampuk sambil terkebil-kebil melihat sepupu di hadapanya tersengih-sengih.

Apit : Takde pappe larr... tenang-tenang saja.

Spontan saja Apit jawab sambil jari-jemarinya terus rancak membancuh dan tersengih-sengih usyar kita orang sedang cuak memerhati pintu garaj.



Man : Tenang bulu buntut kau! Dia kat luar pintu jer tu – *Pontianak* ker *Langsuir* tu?

Man Bai yang dari tadi keras dalam posisi bertapa tetiba bertanya dalam nada cuak.

Apit : Entah, aku pun tak tahu – biarkan jer larr dia – jap lagi dia pergi larr tu.

Apit jawab dalam nada bersahaja, langsung tidak menunjukkan reaksi cuak – tersengih sahaja.

Bunyi mengilai-ngilai seakan menangis bercampur tertawa terus kedengaran di luar garaj. Sesekali pintu besi garaj bergegar seperti ditepuk oleh makhluk yang berada di luar – macam nak terkencing aku rasa, sebab terkejut mendengar gegaran di pintu – sejuk rasa tapak

tangan dan tapak kaki aku. Si Apit pula nampak tenang macam takde pappe dan terus tekun dengan kerjanya membancuh *ganja*.

Setelah hampir 10 minit berlalu, bunyi mengilai itu terus lenyap dan suasana hening mengambil alih suasana — semua dalam garaj terus terdiam...

Apit : Dia bagi salam perkenalan kat korang tu.

Tetiba Apit bersuara memecah kesunyian di dalam garaj sambil tersengih malah menggedik-gedikkan keningnya.

Chai : Salam perkenalan hangguk kau!

Ah Chai membalas sambil tersengih-sengih kerana melihat sepupunya tersengih-sengih juga.

Apit : 😆 Hahahahahahah!!

Apit terkekeh-kekeh ketawa melihat sepupunya cuak dalam masa sama sepupunya tersengih-sengih juga melihat Apit berdekah-dekah ketawa. Aku, Man Bai, dan Jeff terus terkebil-kebil dalam keadaan cuak bahkan masih memasang telinga untuk mengesan suara yang menyeramkan. Rasa terperanjat masih belum hilang, malah stim dalam kepalaku dah lama hilang — diganti kepada perasaan seram-seram sejuk.

Apit : Aku dah biasa kena larr... tapi selalunya aku sesorang jer sering dengar dia ketawa macam

dalam hutan tu dia tengah menonton lawak *Saiful Apek* di TV3. 😜 Kikikiki.

Apit : Entah apa angin dia malan ni, boleh datang pula *time* korang ada – tu yang aku cakap – dia cuma nak bagi salam perkenalan.

Apit tersengih-sengih sambil menghuraikan salam perkenalan dari makhluk menyeramkan sebentar tadi datang bertandang di pintu garaj. Nak ajer aku tubi-tubi muka Si Apit ini asyik tersengih jer tu.

Apit : Tempat dia kat belakang garaj ni – kat hutan tu. Selalu aku nampak dia duk terjuntai bertenggek kat *Pokok Ara* belakang tu.

Apit menerangkan sarang bermastautinnya makhluk menyeramkan itu berhampir dengan garajnya.

Kita orang terus terkedu – tak tahu nak cakap apa? Kejutan tadi masih terasa betul-betul menggeletarkan seluruh badan.

Selepas dari kejadian salam perkenalan dari makhluk menyeramkan itu – aku dan semua senior tetap terus bertandang dan melesir di rumah Apit pabila ada masa lapang. Walaupun jiwa dan batinku terasa cuak – takut-takut terdengar lagi suara memanggil dan mengilai seperti malam perkenalan, namun tak pernah lagi makhluk menyeramkan itu muncul nak menyapa di hadapan kita orang ketika berdekah-dekah di garaj.

Selepas beberapa tahun, Apit pun berpindah dari rumah banglo di *Bukit Tunku* — tinggal di Kuantan selepas berkahwin, dan aku pula merantau keluar negara untuk belajar dan bekerja.

Sehingga hari ini aku masih belum ada peluang naik ke *Bukit Tunku*, namun kenangan di sana masih segar di ingatan bahkan aku masih berhubung dengan Man Bai dan Ah Chai melalui **Facebook** dan terkadang berjumpa mereka pabila aku merayap di KL ketika menghabiskan cuti belajarku di luar negara. Hanya seorang sahaja aku *lost contact* iaitu Jeff — hilang tak tahu entah ke mana?

Aku nak minta maaf kalau ada pembaca di sini rasa kurang senang pada entri tulisan aku ini kerana faktor-faktor yang agak *taboo*.

Aku berada dalam keadaan *stone and harmony* ketika menulis entri ini, malah tulis ini memang sengaja tidak ditapis kerana kejahatan tidak semestinya bermula daripada *ganja* — contoh paling klasik *sifat sombong* Iblis di Syurga — mustahil *sifat sombong* Iblis ini disebabkan oleh dos *ganja*.

Jika ada yang nak mengecam entri ini secara individu atau berjemaah — silakanlah!

Rin : Aku takde hal — aku sentiasa berlapang dada *stone and harmony*.

Lagipun aku berani tulis entri ini sebab aku tahu, memang tak ramai penulis yang meminati fenomena seram memiliki tekad hendak menulis karya-karya seram bergenrekan asap berdengung jika dilihat dari jumlah propaganda bermotivasikan hubaya-hubaya pemikiran positif yang tahpappe — seringkali propaganda tahpappe kerap ditayangkan melalui peti, papan, dan layar televisyen. Justeru, aku tidak perlu rasa masyghul kerana tak ramai peminat yang meminati entri ini.

Oleh sebab aku dibelenggu oleh *stone and harmony of misfits, yes I'm just write, what I feel?* Lagipun *Bahasa Melayu* dalam entri ini memang tunggang-langgang macam *Budak Tingkatan 3* gagal (PMR).

Apa-apa pun aku harap pembaca yang membaca entri ini akan tersenyum walaupun tak pernah mengambil dos *herba* daripada *ganja*. Apa yang pasti, aku lebih bernostalgia dalam entri aku kali ini.

Rin : 😄 *See ya soon.*

